

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR ]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan  
:-

- (a) apakah usaha terkini Kementerian dalam mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah kerana terlalu kerap terputus bekalan elektrik yang mengakibatkan kerugian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan kadar kenaikan tarif elektrik di Sabah terutamanya pengguna domestik kerana jurang kemampuan ekonomi penduduk di negeri ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kekangan kapasiti penjanaan terutamanya di waktu puncak masih lagi menjadi cabaran utama dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan daya harap bekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, masalah kekangan kapasiti ini akan beransur-ansur berkurangan apabila 2 stesen jana kuasa bebas dengan jumlah kapasiti sebanyak 385MW dijangka siap secara berperingkat mulai bulan Jun 2014. Selain daripada itu, pihak SESB juga sedang giat mempertingkatkan sistem pembekalan elektrik di seluruh Sabah.

2. Sungguhpun demikian, kedudukan prestasi pembekalan elektrik di Sabah dan WP Labuan pada masa kini kian bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pengurangan catatan SAIDI kepada 424 minit/pelanggan pada tahun 2013 berbanding 2,867 minit/pengguna pada tahun 2009. Melalui usaha dan bantuan Kerajaan yang berterusan, Kerajaan yakin pencapaian

SAIDI bagi tahun-tahun akan datang mula bertambah baik dan dapat memastikan bekalan elektrik yang lebih berdaya harap di negeri Sabah.

3. Berhubung dengan cadangan bagi mempertimbangkan kadar kenaikan tarif elektrik di Sabah, pihak Kerajaan amat prihatin dan akan mengambil kira semua aspek termasuk taraf sosioekonomi dan kemampuan ekonomi rakyat. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) telah dinaikkan sebanyak 5 sen/kWj (atau peningkatan sebanyak 16.9%) iaitu daripada 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj. Kadar purata tarif ini adalah masih rendah berbanding dengan kos pembekalan sebenar di negeri Sabah dan WP Labuan yang berada dalam lingkungan 43 sen/kWj.

4. Semakan semula tarif elektrik di Sabah dan WP Labuan adalah penting bagi memperbaiki kedudukan kewangan dan kemampanan SESB untuk meningkatkan keupayaan dan dayaharap sistem pembekalan elektrik di Sabah. Kenaikan kadar purata tarif elektrik ini adalah diperlukan untuk mengimbangi jurang yang kian meningkat di antara kos pembekalan elektrik dengan kadar tarif sedia ada agar SESB dapat terus membekalkan elektrik yang berdaya harap di Sabah dan WP Labuan. Kadar purata tarif elektrik sebelum ini, iaitu 29.52 sen/kWj,

hanya mampu menampung 80% daripada kos operasi SESB dan tidak mencerminkan kos pembekalan sebenar SESB. Kadar tarif elektrik SESB yang rendah menjadi faktor penghalang kepada usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti pembekalan elektrik di Sabah.

5. Dalam menguatkuasakan kadar tarif elektrik yang baru ini, pihak Kerajaan turut mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna domestik, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dengan memperkenalkan beberapa keistimewaan dan pakej pengecualian untuk mengimbangi kenaikan kadar tarif elektrik seperti berikut:

- a. sejumlah 66.4% pengguna domestik iaitu 285,000 orang pengguna di Sabah dan WP Labuan iaitu dengan penggunaan elektrik 300 kWj/bulan dan ke bawah tidak mengalami kenaikan kadar tarif elektrik bulanan;
- b. pengguna-pengguna Domestik dengan penggunaan 300 unit ke bawah juga dikecualikan daripada menyumbang kepada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (Dana FiT); dan
- c. lebih daripada 90,000 pengguna domestik di Sabah dan WP Labuan juga sedang menerima manfaat rebat kerajaan yang

mengecualikan pembayaran bil elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah.

6. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) juga telah melaksanakan sepenuhnya diskaun sehingga 50% bagi Caj Sambungan Pengguna (*Consumer Connection Charge - CCC*) bagi penyambungan bekalan baru yang mana akan dapat mengurangkan kos modal awal bagi memulakan perniagaan dan membantu mengurangkan kos penyambungan bagi kawasan perumahan baru di negeri Sabah. Pengenalan tarif puncak/luar puncak (*peak/off-peak*) yang lebih menarik dan ciri-ciri baru Rider Luar Puncak / Rider Tarif Ahad (*Off-Peak Rider / Sunday Tarif Rider*) juga akan menggalakkan aktiviti Pengurusan Beban Pengguna (*Demand Side Management*) bagi pengguna-pengguna Perdagangan dan Perindustrian Voltan Sederhana yang mana berpotensi untuk memberikan penjimatan dalam bil elektrik mereka.

7. Sungguhpun begitu, pihak Kerajaan masih menyarankan semua pengguna untuk menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan mengelakkan pembaziran. Tip-tip penggunaan elektrik secara berhemah boleh di dapati di laman sesawang Kementerian, Tenaga Nasional Berhad dan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

\*\*\*\*\*